



KENYATAAN MEDIA**Untuk Siaran Segera**

Resorts World Genting bekerjasama dengan Comexposium Asia Pasifik untuk menganjurkan Ekspo Genting SustainBiz F&B

Kuala Lumpur, 24 Mei 2024 – Resorts World Genting (RWG), destinasi resort bersepadu utama di Malaysia, mengumumkan dalam sebuah sidang akhbar hari ini akan menjadi tuan rumah kepada Ekspo Genting SustainBiz F&B yang bakal berlangsung di Genting International Convention Centre dari 10 hingga 12 September 2024 dengan menitikberatkan kelestarian dan ekonomi hijau.

Sidang media itu turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Presiden dan Ketua Pegawai Operasi RWG, Lee Thiam Kit dan Pengarah Pameran Comexposium Asia Tenggara, Henri Tan Chee Seah, peneraju komuniti perniagaan berpusat di Perancis. Perjanjian ini merupakan persetujuan penganjuran ekspos tersebut bersama-sama.

Ekspos Genting SustainBiz F&B merupakan satu pameran perdagangan khusus yang diatur untuk menitikberatkan segmen utama ekonomi hijau dan perdagangan masa depan yang mampan merangkumi pelbagai aspek, termasuk pengeluaran makanan mampan, amalan makanan laut yang berkesan, pembungkusan lestari dan pengurusan sisa makanan, amalan pemulihan pertanian, inovasi berasaskan tumbuhan, penyelidikan inovasi makanan, tenaga boleh diperbaharui, dan peralatan komersial yang mesra alam.

Ekspos ini mensasarkan 80 pempamer tempatan dan antarabangsa, 100 pembeli tempatan dan antarabangsa, serta menarik minat 3,000 pengunjung dari serata rantau. Para pengunjung dijangka dapat menyaksikan paparan peralatan mesra alam, mendengar penyampaian penyelidikan mengenai inovasi industri makanan, dan turut serta dalam perbincangan mengenai isu-isu dan topik berkaitan dengan kelestarian. Ekspos selama tiga (3) hari ini disokong oleh Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (MyCEB) sebagai rakan strategik dan VISA Malaysia sebagai penaja platinum. Ekspos ini akan turut menampilkan pemain industri yang baharu dan terkemuka.

Ekspos Genting SustainBiz F&B di puncak Resorts World Genting menyediakan penginapan dan kemudahan bertaraf dunia tanpa tandingan kepada pengembala perniagaan, mewujudkan rangkaian peluang perniagaan dengan pembeli terkemuka, bengkel percuma untuk membina perbualan bermanfaat serta perkhidmatan kecerdasan buatan (AI) yang memastikan pemadanan perniagaan yang tepat.

Naib Presiden Kanan Jualan dan Pemasaran & MICE RWG, Spencer Lee berkata, "Kemampanan dan trend kesedaran hijau kini telah menjadi keperluan strategik bagi perniagaan global. Dengan langkah yang disusun bijak pada masa yang tepat, Genting SustainBiz dijangka bakal menarik minat bukan hanya dari golongan profesional dan usahawan dalam sektor F&B

serta hospitaliti, malah dari kalangan pelabur, penyokong alam sekitar, ahli akademik, dan pembuat dasar."

Henri Tan menyatakan, "Genting SustainBiz akan menjadi piawai ekspo berlandaskan kelestarian. Dengan hospitaliti Resorts World Genting yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kepakaran Comexposium dalam menyatukan komuniti perniagaan, pempamer dan pengunjung, pameran perdagangan bulan September ini pasti akan luar biasa dan tidak dapat dilupakan."

Pengarah Pembangunan Perniagaan dari MyCEB, Noor Azlan Abu Bakar berkata, "MyCEB dengan bangga mengumumkan kerjasama strategik bersama Resorts World Genting dalam Ekspo Genting SustainBiz F&B, sebuah inisiatif yang memperkuat agenda kelestarian negara dan sejajar dengan matlamat strategik pelancongan untuk meningkatkan daya tarikan negara sebagai destinasi utama untuk urusan perniagaan."

Ng Kong Boon, Pengurus Wilayah VISA Malaysia menjelaskan, "Ekspo Genting SustainBiz F&B selaras dengan misi VISA Malaysia untuk mendigitalkan perniagaan kecil dan menyokong usaha-usaha positif dalam memajukan ekonomi tempatan agar berkembang dan beroperasi dengan lebih beretika dan mampan."

Tambahnya lagi, "Kelestarian adalah fokus utama VISA, dan kami secara aktif bekerjasama dengan rakan kongsi untuk mempromosikan amalan mesra alam. Melalui program VISA Eco Benefits yang diperkenalkan di Asia Pasifik, inisiatif ini membantu pemegang kad memahami impak perbelanjaan mereka terhadap alam sekitar serta menggalakkan penggunaan dan tingkah laku yang lestari. Usaha ini akan membantu lebih ramai pengguna memulakan langkah mereka dalam membina masa depan yang mampan."

Untuk sebarang pertanyaan mengenai Ekspo Genting SustainBiz F&B, sila hubungi Resorts World Genting melalui emel di info.sustainbiz@rwgenting.com atau layari rwgenting.com/sustainbiz untuk maklumat lanjut.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Michelle Wong

Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat rekreasi dan hospitaliti terkemuka di peringkat global. Ia tersenarai di Bursa Malaysia dengan nilai pasaran kira-kira RM16 bilion. Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa resort utama, antaranya Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City (RWNYC), Resorts World Catskills (RW Catskills), dan Resorts World Hudson Valley (dimiliki 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (AS), serta Resorts World Bimini (RW Bimini) di Bahamas, Resorts World Birmingham

(RW Birmingham), dan lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK). Tambahan pula, Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di pulau Langkawi.

Dengan lebih kurang 10,500 bilik merangkumi tujuh hotel yang berbeza, Resorts World Genting (RWG) merupakan destinasi resort bersepadu utama di Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk permainan, taman tema, tarikan hiburan, tempat makan, kedai runcit, serta pertunjukan antarabangsa dan fasiliti konvensyen perniagaan. Genting SkyWorlds, sebuah taman tema kelas pertama yang bertaraf dunia, menjadi tarikan utama yang menambah lagi kepelbagaian hiburan di RWG. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (sebuah usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit, melengkapkan tawaran premium RWG yang meluas dan menegaskan kedudukannya sebagai penyedia hiburan dan riadah terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebuah entiti dalam Kumpulan Genting, sebuah korporat multinasional terkemuka yang diiktiraf sebagai peneraju dalam pengurusan di Asia. Kumpulan Genting dikendalikan oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya mencipta jenama Resorts World sebagai penggerak utama dalam sektor riadah dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Bahamas, dan United Kingdom (UK). Tan Sri Lim Kok Thay turut memiliki pelaburan strategik dalam pelbagai industri di peringkat global, termasuk dalam sektor perladangan kelapa sawit, pembangunan harta tanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran, serta bidang bioteknologi.

Mengenai Comexposium

Comexposium merupakan salah satu pengajur acara terkemuka di dunia. Di peringkat global, ia menganjurkan lebih daripada 135 acara B2B dan B2B2C merentasi pelbagai sektor, termasuk pertanian, pembinaan, fesyen, makanan, kesihatan, riadah, harta tanah, runcit, keselamatan, pelajar, pelancongan, dan majlis kerja raya. Pada acara-acaranya di lebih 30 negara, Comexposium mengalu-alukan lebih daripada 3.5 juta pengunjung dan 48,000 pempamer setiap tahun.

Ibu pejabat Comexposium terletak di Perancis dan beroperasi di 20 negara, membina standard industri sebagai rujukan utama sambil menjalin hubungan yang kukuh antara individu dan entiti perniagaan. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web di www.comexposium.com.

Mengenai Rangkaian Salon International de l'alimentation Network (Rangkaian SIAL)

Rangkaian SIAL telah menjadi penanda aras global dalam industri makanan dengan menyelaraskan pengetahuan globalnya dengan pendekatan tempatan dalam pasaran dengan kehadiran antarabangsa yang kukuh dan pengalaman lebih daripada 50 tahun, ia menjadi saluran penyelaras kepada ribuan syarikat dari 126 negara dan lebih daripada 700,000 profesional yang hadir dari 200 negara. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi laman web di www.sial-network.com.